

Keputusan rasmi beli kereta kebal penggempur belum dibuat

UM 27 MAR 2008

KUALA LUMPUR 26 Mac — Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menjelaskan bahawa kerajaan belum membuat keputusan rasmi untuk membeli 72 buah kereta kebal penggempur utama PT91 buatan Poland.

Beliau berkata, hasrat untuk membeli kereta kebal tersebut diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika lawatannya ke negara itu, baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya juga belum menetapkan jumlah kereta kebal yang akan dibeli dari negara berkenaan kerana syarat-syarat pembelian perlu dirundingkan terlebih dahulu.

“Keputusan tentang bayaran dan jumlah kereta kebal yang hendak dibeli seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar baru-baru ini adalah tidak tepat.

Peruntukan

“Bagaimana kita hendak membeli 72 buah kereta kebal dengan harga semahal itu sedangkan peruntukan kewangan tahunan kementerian tidak mencapai jumlah tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Khidmat Komuniti Kompleks Perumahan Desa Tun Hussein Onn di sini, hari ini.

Ahad lalu, sebuah akhbar melaporkan bahawa Malaysia berhasrat membeli sebanyak 72 buah kereta kebal PT91 buatan Poland yang keseluruhannya berharga RM3.8 bilion.

Kereta kebal itu akan digunakan untuk melengkapkan tiga skuadron penggempur dan satu skuadron latihan dalam rancangan Kementerian Pertahanan bagi memoden dan melengkapkan tentera daratnya dengan senjata dan kelengkapan canggih.

Mengulas lanjut, Najib berkata, kerajaan masih lagi menunggu tawaran sah dari Poland berhubung penjualan kereta kebal tersebut.